

30 APR 2002

Kadir-Rekod/I

RANGKAIAN MANUSIA/KERETA NASIONAL TERPANJANG DIRANCANG UNTUK 31 OGOS

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Usaha sedang dilakukan bagi mencipta rekod rangkaian terpanjang manusia dan barisan kereta nasional sepanjang 848.51 km dari Tangkak, Johor ke Kuala Perlis, Perlis, sempena Hari Kebangsaan tahun ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini berkata kira-kira sejuta rakyat Malaysia dan 200,000 kereta nasional diperlukan untuk menjayakan usaha ini.

Acara ini diperakui oleh Malaysia Book of Records dan jika berjaya, dua rekod baru akan ditambah dalam buku itu, katanya pada sidang media bagi mengumumkan dua acara itu di sini hari ini.

Abdul Kadir berkata Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia menaja 300 kereta nasional serta kakitangan untuk tujuan itu dan beliau menggesa sektor swasta turut serta.

"Kita (kerajaan) menyokong usaha ini dan berharap pihak swasta, terutama syarikat gergasi akan dapat memberikan penajaan," katanya.

"Saya difahamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mengalu-alukan usaha ini dan berharap syarikat kereta nasional Proton dan Perodua dapat menjayakannya," katanya.

Abdul Kadir berkata projek anjuran syarikat De Car Unique Challenge baik kerana ia boleh meningkatkan semangat patriotisme dan perpaduan di kalangan rakyat.

Pengurus pemasaran De Car Unique Challenge Mokhtar Ibrahim berkata pada 31 Ogos, semua kereta terbahit akan disusun di sepanjang jalan negeri mulai pukul 3 petang.

Ini diikuti peserta berbaris berpegangan tangan untuk membentuk rangkaian terpanjang manusia.

Menjawab satu soalan beliau berkata, kos untuk menganjurkan acara itu berjumlah kira-kira RM18 juta.

Rakyat Malaysia yang berminat untuk menyertai acara itu boleh mendapatkan borang penyertaan daripada Pejabat Pos, katanya.

Setiap kereta mesti memuatkan lima orang dan bayaran penyertaan sebanyak RM18.

-- BERNAMA

MAD AHH LAT